

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN
MD. RAMLI [LUMUT]**

TARIKH : 05 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [LUMUT] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah-langkah khusus yang telah atau sedang diambil Kementerian bagi menangani wabak COVID-19 di Pulau Pangkor untuk memulihkan industri pelancongan agar lebih rancak selepas pandemik ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai industri yang berorientasikan mobiliti, pelancongan adalah salah satu sektor ekonomi yang paling teruk terkesan dan mengambil masa yang lebih lama untuk pulih, terutamanya dengan pelaksanaan tiga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia.

2. Dalam hal ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mengambil langkah-langkah sewajarnya dalam mempersiapkan penggiat industri dan masyarakat setempat secara amnya agar pergerakan untuk aktiviti pelancongan boleh dibuka dan dibenarkan semula secepat yang mungkin.

3. Untuk ini, salah satu objektif dalam Pelan Pemulihan Pelancongan yang dibangunkan oleh MOTAC adalah bagi mempercepatkan program vaksinasi ke atas populasi yang layak divaksin dengan seberapa segera. Pada masa yang sama, fokus program ini juga ditumpukan ke beberapa destinasi pelancongan yang dipilih, antaranya Pulau Langkawi, Pulau Tioman, Tasik Kenyir serta kawasan peranginan tanah tinggi seperti Genting Highlands dan Cameron Highlands.

4. Sukacita dimaklumkan bahawa Pulau Pangkor adalah salah satu daripada destinasi yang dipilih oleh MOTAC bagi program ini. Bagi tujuan ini, MOTAC telah turut melaksanakan kerjasama rentas kementerian dan agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta juga Kerajaan Negeri bagi mendapatkan bekalan vaksin tambahan kepada penduduk Pulau Pangkor agar pulau peranginan tersebut mencapai tahap imuniti kelompok secepat yang mungkin.

NO. SOALAN : 37

5. Dalam mencapai objektif tersebut, Pusat Pemberian Vaksin di Pulau Pangkor telah mula beroperasi pada 16 Julai 2021. Usaha ini telah membolehkan sebanyak 80% populasi yang layak divaksin di Pulau Pangkor telah lengkap menerima dua (2) dos vaksinasi pada 5 September 2021 yang lalu.

6. Inisiatif ini juga merupakan salah satu usaha berterusan Kementerian dalam mengembalikan keyakinan pelancong terhadap tahap keselamatan di sesuatu destinasi pelancongan, selain berusaha untuk memastikan sektor pelancongan negara mampu menjana semula pendapatan secara berterusan kepada negara selepas pembukaan sektor ini kelak.

7. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Rabu, 22 September 2021 telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan membenarkan pembukaan pusat-pusat pelancongan, pulau-pulau atau kawasan pelancongan beserta aktiviti rentas negeri apabila negara mencapai 90% kadar vaksinasi populasi dewasa berdasarkan data dan analisis yang telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN
IDRIS [JERANTUT]
TARIKH : 05 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik pengeluaran i-Sinar oleh pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan sejauh mana pengeluaran ini memberi impak langsung yang positif kepada ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, i-Sinar adalah salah satu program pengeluaran khas yang diperkenalkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membantu ahli meneruskan kelangsungan hidup dalam menempuhi cabaran dan impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19.
2. i-Sinar membolehkan ahli yang berumur di bawah 55 tahun mengeluarkan sebahagian simpanan dalam Akaun 1 dengan amaun kelayakan tertakluk kepada baki simpanan dalam Akaun 1. Bagi ahli yang mempunyai baki simpanan Akaun 1 RM100,000.00 dan kurang, kelayakan pengeluaran adalah sehingga RM10,000.00. Manakala bagi ahli yang mempunyai baki simpanan lebih RM100,000.00 di dalam Akaun 1, kelayakan pengeluaran adalah sehingga 10% atau maksimum RM60,000. Baki minimum sebanyak RM100.00 perlu dikekalkan dalam Akaun 1. Pembayaran bagi i-Sinar dibuat dalam tempoh sehingga 6 bulan.
3. Tempoh permohonan i-Sinar berkuat kuasa selama 6 bulan iaitu dari Januari 2021 sehingga Jun 2021. Dalam tempoh itu, sejumlah 6.57 juta permohonan telah diluluskan dengan amaun pengeluaran sebanyak RM58.78 billion.
4. Sehingga 31 Ogos 2021, sebanyak RM58.50 billion atau 99.5 peratus telah dibayar kepada ahli di bawah pengeluaran i-Sinar manakala baki berjumlah RM0.28 billion akan dibayar berdasarkan jadual bayaran yang telah ditetapkan sehingga Disember 2021.
5. Secara amnya, majoriti pemohon i-Sinar terdiri daripada ahli tidak aktif mencarum iaitu seramai 2.52 juta atau 38 peratus dan ahli yang berpendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan iaitu seramai 2.27 juta atau 35 peratus.

6. Hasil kajian mendapati sebanyak 39 peratus daripada pemohon i-Sinar menggunakan wang pengeluaran tersebut untuk menampung kos sara hidup akibat kehilangan atau pengurangan pendapatan, 31 peratus untuk membayar balik pinjaman serta 17 peratus untuk membantu ahli keluarga yang terjejas pendapatan. Selebihnya, 6 peratus membuat permohonan i-Sinar bagi menambah simpanan kecemasan mereka manakala lain-lain baki 7 peratus memohon i-Sinar bagi tujuan-tujuan lain.

7. Secara keseluruhannya, boleh dirumuskan bahawa amaun pengeluaran i-Sinar berjumlah hampir RM60 bilion ini adalah suntikan tunai secara langsung yang berskala besar kepada ekonomi domestik yang telah terjejas teruk akibat pandemik COVID-19. Aliran tunai daripada i-Sinar ini telah membantu merancakkan perbelanjaan domestik yang signifikan di seluruh negara dan secara tidak langsung menyelamatkan sebahagian besar perniagaan daripada ditutup akibat kelemahan permintaan semasa. Kaedah pembayaran pengeluaran secara berkala juga membolehkan impak positif kepada ekonomi disebarkan sepanjang tahun 2021 dan tidak tertumpu pada sesuatu tempoh sahaja.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN MARIA CHIN BINTI
ABDULLAH [PETALING JAYA]
TARIKH : 05 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang sedang diambil untuk menyegerakan proses pelaksanaan '*Gender Responsive Budgeting*' secara substantif dalam pengolahan Belanjawan 2022 negara secara berkesan untuk menangani impak COVID-19, melalui satu pelan menyeluruh, di semua peringkat kerajaan iaitu peringkat pusat, negeri dan Kerajaan tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Umumnya, Bajet Responsif Gender (atau GRB) merupakan satu inisiatif bagi membolehkan Kerajaan menentukan dasar dan keutamaan yang mengambilkira keperluan gender dalam penyediaan Bajet tahunan supaya jurang pembangunan gender dirapatkan.

2. Inisiatif GRB di Malaysia telah bermula sejak tahun 2000 lagi semasa penglibatan negara di Jawatankuasa Pemandu Serantau Wanita di Asia-Pasifik. Usaha ini dipelopori oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (atau KPWKM) secara rintis merangkumi beberapa program terpilih di lima kementerian. Hasilnya, KPWKM telah mengeluarkan Manual Mengenai Analisis Bajet Gender di Malaysia pada tahun 2006 yang digunakan sebagai panduan semasa penyediaan cadangan bajet. Komitmen Kerajaan berhubung perkara ini diteruskan dengan Kementerian Kewangan mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan bagi Bajet Berasaskan Outcome pada tahun 2013 yang memberi penekanan kepada analisis gender dalam penyediaan bajet mengurus dan pembangunan. Inisiatif GRB sememangnya merupakan iltizam dasar negara secara jangka panjang.

3. Selaras dengan iltizam tersebut dan mengambil kira semangat Keluarga Malaysia, Kementerian Kewangan pastinya mengambil kira elemen GRB dalam pembentukan Bajet 2022. Tumpuan khusus akan diberikan kepada usaha untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran kerja, penyediaan mikrokredit khusus buat usahawan wanita dan program-program latihan kemahiran selain meneruskan program-program bantuan dan kebajikan sedia ada kepada golongan wanita yang memerlukan.

Sekian, terima kasih.